

**TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERJARAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN  
PERUMAHAN TRANSIT BELIA (MYTRANSIT) DI MUKIM KEPONG  
DAN MUKIM BATU MUDA, KUALA LUMPUR**

**PADA 22 JANUARI 2018 (ISNIN),  
JAM 12.00 TENGAH HARI  
BERTEMPAT DI  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Yang saya muliakan,

Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

YBhg Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak  
Ketua Pengarah  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Assalamualaikum, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1  
Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada tengah hari yang mulia ini bagi menyempurnakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Perumahan Transit Belia (MyTransit). Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada tengah hari ini di majlis yang amat bermakna ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. YAB Perdana Menteri di dalam Pembentangan Belanjawan 2017 yang lalu telah mengumumkan mengenai pelaksanaan pembinaan 10,000 unit rumah transit khusus untuk membantu golongan muda terutamanya di bandar-bandar utama di Malaysia.

---

3. KPKT telah menyahut saranan tersebut dengan merancang pelaksanaan Program Perumahan Transit Belia untuk membantu golongan muda M40 melalui penyediaan perumahan transit sehingga mereka mampu membeli rumah sendiri yang lebih baik dan selesa.

4. Cadangan KPKT melibatkan pendekatan business model baru melalui kerjasama pihak swasta dan Kerajaan. Konsep yang digunakan ini adalah pembangunan secara *cross subsidy unit* di mana, di dalam plot tanah tersebut akan mempunyai 2,010 unit Perumahan Transit Belia yang akan disewakan kepada belia dan 3,824 unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang akan dijual di pasaran kepada pembeli yang layak.

5. Inisiatif ini akan dilaksanakan bersama BMG Global Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai pelabur yang akan membiayai kos perancangan dan pembinaan bangunan Perumahan Transit Belia. Manakala, Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan menyediakan tanah tanpa perlu menyediakan sebarang kos pembangunan.

6. Projek ini akan dibangunkan di atas 2 lot tanah milik PTP iaitu di Mukim Batu Muda dan Mukim Kepong, Kuala Lumpur.

7. Pembangunan 2,010 unit Perumahan Transit Belia ini melibatkan 60% unit studio berkeluasan 400 kps dan 40% unit 2 bilik berkeluasan 550 kps dengan kemas dan kualiti kondominium sederhana mewah. Selain daripada itu, kemudahan lain yang akan disediakan adalah gym, dewan komuniti, premis perniagaan dan kemudahan wifi.

8. BMG Global Sdn. Bhd. akan dilantik sebagai pelaksana dan akan mendapatkan kembali hasil pelaburan melalui penjualan unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang dibina dengan keluasan 800 kaki persegi. RMM ini akan dijual dengan kadar harga RM300,000 seunit dan pemilihan peserta yang layak akan ditentukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Antara keistimewaan Perumahan Transit Belia adalah :

- kadar sewaan unit Perumahan Transit Belia adalah 30% lebih rendah daripada harga pasaran di mana Kerajaan telah bersetuju kadar sewa ditetapkan pada kadar RM400 sebulan (Unit Studio 400 kaki persegi) dan RM550 sebulan (Unit 2 Bilik 550 kaki persegi)
- Di dalam sewaan yang dibayar ini, akan terdapat elemen *forced saving* yang akan dipulangkan kepada penyewa

---

setelah tamat tempoh penyewaan. Simpanan ini akan dapat membantu menyediakan sebahagian deposit bagi pembelian rumah kelak.

- Perumahan Transit Belia ini juga akan dilengkapi dengan perabot asas bagi memberikan keselesaan kepada penyewa dan membantu penyewa menyimpan wang tanpa perlu membelanjakan wang simpanan bagi pembelian perabot untuk perumahan transit ini.

10. Konsep yang sama ini akan diguna pakai untuk dilaksanakan di atas tapak lain yang akan dikenalpasti oleh KPKT kelak bagi mencapai sasaran 10,000 Rumah Transit Belia yang telah ditetapkan. Usaha ini menjadi testimoni bahawa Kerajaan begitu prihatin dan membela kepentingan golongan belia di negara ini.

Para Hadirin Yang Dihormati sekalian,

11. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang turut serta menjayakan majlis pada tengah hari ini.

**Sekian.**

**Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**